



UiTM@Media **2016**



Siswa Cemerlang



UiTM@Media
2016

» Ungguli
MRM-IBAG,
tewaskan lebih
200 peserta

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Shah Alam

Wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM) menewaskan lebih 200 peserta Pertandingan Rekabentuk Majlis Reka Bentuk Malaysia-IBAG (MRM-IBAG) apabila membolot kemenangan tempat pertama hingga ketiga serta dua hadiah sagu hati.

Pertandingan itu memerlukan peserta menghasilkan rekaan bertema *Weekend Bag* iaitu beg untuk kegunaan aktiviti santai dengan pelbagai kegunaan.

Pensyarah Seni Reka Perindustrian Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Zakiah Hassan, memenangi tempat pertama dengan rekaan beg *Sling Lullaby* untuk kegunaan ibu bapa yang mempunyai anak kecil.

Katanya, beg itu berciri dua dalam satu iaitu mempunyai pelbagai ruang penyimpanan barang dan boleh digunakan sebagai alat mengendong kanak-kanak dengan berat sehingga lapan kilogram.

"Inspirasi menghasilkan beg ini adalah daripada diri sendiri kerana akan menyambut kelahiran cahaya mata tidak lama lagi dan masih mencari-cari beg yang mudah digunakan untuk membawa anak bersiar-siar nanti.

Berpeluang untuk dikomersialkan

"Harga dicadangkan bagi mengkomersialkan beg ini pada kadar mampu milik iaitu antara RM89 hingga RM100," katanya yang menghasilkan rekaan itu bersama-sama seorang lagi pensyarah bidang yang sama iaitu Natrina Marianne P Toyong.



Kemenangan itu membolehkan beliau menerima hadiah wang tunai RM5,000 selain rekaannya berpeluang dipilih untuk pengkomersialan oleh syarikat IBAG.

Rekaan *Wee Bag* yang diinspirasi daripada kelopak bunga ros oleh Mohamad Asyraf Yusof dan Mohamed Noor Fazlin Halim pula memenangi tempat kedua.

Mohamad Asyraf berkata, beg dengan tiga komponen yang boleh dibuka dan dipasang semula itu membolehkan pengguna menentukan saiz beg yang hendak dibawa berdasarkan keperluan aktiviti.

"Pengguna tidak perlu membeli pelbagai jenis beg untuk tujuan berbeza, sebaliknya satu beg ini sahaja memadai kerana komponen yang boleh dibuka dan dipasang semula," katanya yang menerima hadiah wang tunai RM3,000 berikutan kemenangan itu.

Pensyarah Seni Reka Fesyen FSSR, Ariff Mohd Habit pula meraih tempat ketiga menerusi rekaan *Elytra Weekend Bag* yang berasaskan

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

bentuk bukaan sayap kumbang.

"Beg ini direka dengan ruang penyimpanan barang serta slot USB khas untuk mengecaj gajet," katanya yang meraih hadiah wang tunai RM1,000.

Ada ruang penyimpanan khas

Sementara itu, minat terhadap aktiviti perkelahan mendorong pensyarah Seni Reka Perindustrian, Mohd Norhan Dulkahar, untuk menghasilkan rekaan beg Campo.

Katanya, beg itu dihasilkan dengan ruang penyimpanan khas menyimpan makanan, pinggan dan mangkuk selain turut disertakan ruang membuang sampah dan panel solar untuk mengecaj gajet.

"Beg ini direka bagi mendidik pengguna supaya menjaga alam sekitar dan diharap dapat mengatasi masalah pembuangan sampah merata-rata di tapak perkelahan," katanya yang menerima hadiah sagu hati bernilai RM500.

Seorang lagi pelajar FSSR, Nik Ahmad Fauzi Nik Al-Azamim menerima hadiah sagu hati menerusi rekaan beg Trendy Chick bersaiz sederhana untuk penyimpanan gajet dan barangan peribadi.

"Golongan belia mahukan beg dengan saiz yang sederhana sahaja untuk menyimpan barangan seperti gajet dan dompet supaya mudah bergerak apabila keluar bersantai," katanya.

"Inspirasi menghasilkan beg ini adalah daripada diri sendiri kerana akan menyambut kelahiran cahaya mata tidak lama lagi dan masih mencari-cari beg yang mudah digunakan untuk membawa anak bersiar-siar nanti"

Zakiyah Hassan,
Pensyarah FSSR



- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

